

27 FEB 2003

Sukan-Grand Prix

MAJLIS MAKAN MALAM AMAL GP MALAYSIA DAPAT SAMBUTAN

PETALING JAYA, 27 Feb (Bernama) -- Majlis makan malam amal Grand Prix Malaysia 2003 dijangka mendapat sambutan menggalakkan selepas 50 peratus meja berjaya dijual.

Pengurus Besar Perhubungan Korporat Malaysia Airports Holding Berhad, Azmi Murad berkata, 700 tetamu dijangka menghadiri jamuan makan malam itu yang akan diadakan pada 20 Mac di Putrajaya Marriott.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan menteri-menteri kabinet adalah antara tetamu kehormat yang telah diundang untuk majlis tersebut.

"Selain Perdana Menteri dan jemaah menteri, kita juga menerima kehadiran pemandu-pemandu Formula Satu yang akan bertanding dan tempahan daripada tokoh-tokoh korporat.

"Ini ialah antara usaha MAB untuk menyumbang ke arah kebaikan kerana hasil yang akan dikutip dari majlis ini akan disumbangkan kepada Majlis kanser Nasional (MAKNA) dan Unit Perubatan Sukan dari Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC)," katanya kepada Bernama selepas majlis penyampaian penajaan di sini hari ini.

Selain majlis makan malam itu, turut diadakan ialah Kejohanan Golf Amal yang hasilnya turut akan disalurkan kepada MAKNA dan UMMC.

Azmi memberitahu, penyanyi Khatijah Ibrahim akan diundang bagi memeriahkan jamuan makan malam itu.

"Untuk kejohanan golf itu, bayaran penyertaan ialah RM500 dan akan diadakan di Saujana Golf and Country pada 19 Mac.

"Pertandingan ini amat menarik kerana ia menawarkan hadiah lumayan berjumlah lebih RM400,000 termasuk sebuah kereta Mercedes Benz C180-K yang ditawarkan kepada pemain yang berjaya melakukan `hole-in-one'," katanya.

Bagaimanapun, Azmi berkata, pertandingan itu hanya terbuka kepada 120 peserta dan pendaftaran dibuat berdasarkan `siapa cepat'.

"Kita amat berharap ia akan menarik minat pemain golf negara kerana ini bukan pertandingan biasa, sebaliknya pertandingan amal untuk membantu pesakit-pesakit di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

SOP AHH ZB